

13 DEC 1996
Umno-Kelantan
ANNUAR DILANTIK SEMULA

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dilantik semula sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan manakala Ketua Pemuda Umno Bahagian Bachok Haji Zaiyadi Awang Noh dilantik sebagai Ketua Pemuda Umno Kelantan.

Perlantikan semula Annuar diumumkan oleh Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kepada pemberita selepas sambutan Hari Kualiti kementerian itu di sini.

Sabbaruddin berkata perlantikan Annuar itu dipersetujui pada mesyuarat Biro Politik Umno yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi.

Kataya, Annuar juga dilantik sebagai pengarah pilihanraya kecil Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil dewan undangan negeri kawasan Pulau Chondong. Suruhanjaya Pilihan raya telah menetapkan 26 Disember sebagai tarikh penamaan calon dan jika ada pertandingan, pengundian dijalankan pada 6 Januari depan.

Perlantikan Zaiyadi pula diumumkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Zahid turut mengumumkan perlantikan Ketua Pemuda Umno bahagian Jeli Kubang Kerian Shamsuddin Yusof sebagai penolong setiausaha, Ketua Pemuda Umno Rantau Panjang Shaari Hussain sebagai penolong bendahari dan Bendahari Pemuda Umno Pasir Mas Dr Wan Muhamad Hasni Wan Sulaiman sebagai ketua penerangan.

Perlantikan Zaiyadi, yang telah dipersetujui oleh Presiden parti, perlu disegerakan bagi membuat persediaan menghadapi pilihan raya kecil berkenaan, katanya dalam satu kenyataan.

"Walaupun sebelum ini saya telah menyatakan akan membuat perlantikan semua Ketua Pemuda Umno Negeri tetapi memandangkan perlunya perlantikan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan disegerakan, saya terpaksa membuat keputusan ini terlebih dahulu," katanya.

Zaiyadi, 33, berkata tugas pertamanya ialah menggerakkan jentera Pemuda Umno negeri bagi memastikan Umno dapat mengekalkan kerusi berkenaan.

Satu mesyuarat Pemuda Umno Kelantan akan diadakan di Kota Baharu petang esok bagi membincangkan perkara itu serta hal-hal lain bagi memperkemaskan pergerakan itu di peringkat negeri, katanya ketika dihubungi. -- BERNAMA

HS AZZ WAT